

PRN17 Sabah

Anwar ingatkan calon, jentera perjelas isu semasa

Kota Kinabalu: Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan calon serta jentera parti di Sabah supaya turun ke lapangan bagi mendekati rakyat dan menjelaskan isu semasa berkaitan negeri itu.

Menurut beberapa pemimpin PKR yang ditemui, amanat berkenaan disampaikan perdana menteri dalam ucapan pada Ma-

jlis Amanat Presiden PKR sempena Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah Ke-17 di sini semalam.

Setiausaha Politik Kanan Perdana Menteri, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin, berkata Anwar menekankan kepentingan calon dan jentera PKR untuk mendampingi rakyat serta menerangkan usaha kerajaan dalam menangani isu tempatan.

“Dalam konteks ini, usaha dan ikhtiar antara Kerajaan Persekutuan dan Sabah perlu diperkukuh bagi memastikan khidmat terbaik diberikan kepada rakyat,” katanya ketika ditemui selepas majlis itu.

Shamsul Iskandar yang juga Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri (MPN) PKR Melaka berkata Anwar turut menekankan ke-

pentingan kerjasama rapat di antara jentera PKR Sabah dengan jentera parti di peringkat pusat, negeri dan cabang di seluruh negara bagi memperkukuh gerak kerja menjelang PRN

“Semua pimpinan parti digembleng untuk turun ke bawah bersama pimpinan cabang di Sabah. Majlis Pimpinan Pusat dan

pimpinan negeri akan diagihkan untuk membantu kempen di sini,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi MPN PKR Sabah, Datuk Mustapha Sakmud, berkata amanat Presiden PKR turut menekankan persediaan rapi jentera dan calon untuk mendekati rakyat serta menjelaskan isu yang dihadapi masyarakat. BERNAMA